

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HHT 302 Seni Lukis Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM  
DUA [2] HALAMAN.

- Jawab TIGA [3] soalan.

Tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Golongan atasan masyarakat Malaysia, (yakni raja-raja dan golongan bangsawan, serta pemimpin-pemimpin masyarakat dan politik) dan sistem pendidikan, boleh dikatakan dua faktor utama di dalam kemunculan dan penerapan nilai seni Barat di Malaysia. Pada pandangan anda bagaimakah ini boleh berlaku?
2. Bincangkan kesan pengalaman kolonial ke atas perkembangan seni lukis di Malaysia. Apakah perhubungannya di antara seni lukis moden di Eropah dan Amerika Syarikat dengan pengamalan dan perkembangan seni lukis moden Malaysia? Seterusnya, apakah kesan KeMerdekaan negara pada perkembangan seni lukis di Malaysia?
3. Bincangkan bagaimana 'lukisan batik' berperanan di dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia.
4. Identiti kerapkali dikatakan sebagai isu-isu utama di dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia. Pada pendapat anda, bagaimakah isu-isu ini terlibat? Bincangkan.
5. Sejauh manakah teori seni lukis Clement Greenberg, yang begitu diterima sebagai teori yang menjelaskan pengamalan seni lukis moden Barat, boleh digunakan untuk mendekati perkembangan seni lukis moden Malaysia. Bincangkan.

6. Bagaimanakah lukisan-lukisan awal seni lukis moden di Malaysia, khususnya pelukis-pelukis Nanyang, dipengaruhi oleh imperialisme budaya Barat? Bagaimanakah pengalaman imperialisme ini mempengaruhi dan membentuk sikap pelukis tentang seni lukis dan kehidupan yang digambarkan pada karya-karya mereka?
7. Di dalam apa yang digelar sebagai era "posmoden" atau "pascamoden" ini, seni lukis semasa Malaysia dikatakan memperlihatkan keyakinan dan kematanan. Jelaskan bagaimana keadaan ini boleh diandaikan. Adakah ini bermakna bahawa apa yang hanya boleh digelarkan "seni lukis moden di Malaysia", kini sudah boleh dipanggil "seni lukis moden Malaysia"?

-oooooooo-